

AGENDA 5- Minit Mesyuarat Persidangan Parti (2023)

Tarikh:	10 Sep 2023 (Ahad)	Jumlah wakil yang layak hadir:	3868
Masa:	10.00 am – 2.00 pm	Jumlah wakil yang hadir:	1070
Tempat:	Putrajaya Marriott Hotel, WP Putrajaya		
Yang diPertua:	Sdri.Noorita binti Sual		
Tim. Yang diPertua:	1. Sdr. Arul Kumar A/L Jambunathan 2. Sdri.Wong May Ing		

Urusan Persidangan:

Persidangan bermula dengan upacara nyanyian Lagu Kebangsaan dan Lagu Parti

1. Ucapan Aluan oleh Pengerusi Kebangsaan, Saudara Lim Guan Eng
2. Ucapan Dasar oleh Setiausaha Agung, Saudara Anthony Loke Siew Fook
3. Laporan Jawatankuasa Tertinggi Pusat (JTP) dibentangkan oleh Setiausaha Agung
4. Meluluskan Minit Kongress Parti 2022 yang terdahulu
 - Minit mesyuarat 2022 dibentangkan oleh Setiausaha Organisasi Kebangsaan
 - Pencadang: W0121 Paparaidu A/L Veraman - Caw.Taman Sri Muda
 - Penyokong: W1679 Tee Boon Hock - Caw.Pasar Pandamaran
 - **Minit Mesyuarat diluluskan sebulat suara oleh perwakilan Kongres**
 - Minit Mesyuarat Kongress Khas dibentangkan oleh Setiausaha Organisasi Kebangsaan
 - Pencadang: W3638 George Lam Li Kang – Caw.Pending
 - Penyokong: W0207 Ken Soo Weng Sin - Caw.Bagan Samak
 - **Minit Mesyuarat diluluskan sebulat suara oleh perwakilan Kongres**
5. Menimbang dan menerima daripada Jawatankuasa Tertinggi Pusat satu Penyata Kira-kira Kewangan yang telah diaudit dengan sempurna dan meliputi tahun-tahun kewangan yang terdahulu
 - Penyata Kewangan Tahun 2021 & 2022 dibentangkan oleh Bendahari Kebangsaan
 - Pencadang: W0661 Chong Mun Choon – Caw.Alila Horizon
 - Penyokong: W3312 Mohan A/L Ramasamy – Caw.Segamat Baru
 - **Penyata Kewangan (Tahun 2021 & 2022) diluluskan secara sebulat suara oleh perwakilan Kongres**
6. Menimbang dan menerima Laporan Jawatankuasa Tertinggi Pusat
 - Saudari Yang Dipertua mengemukakan usul mencadangkan supaya tiga urusan di atas iaitu Laporan Jawatankuasa Tertinggi Pusat, Penyata Kewangan yang telah diaudit terdahulu dan Menimbang dan menerima Laporan Jawatankuasa Tertinggi Pusat dibahas secara sekaligus. Cadangan disokong dan diluluskan sebulat suara oleh perwakilan Kongres.
 - Wakil-wakil yang mengambil bahagian dalam perbahasan:
 1. **Goh See Hua W0060**
 - mencadangkan kerajaan melaksanakan pendidikan kesedaran politik diperlukan di peringkat sekolah menengah supaya pengundi baru yang berumur hanya 18 tahun dapat mengundi dengan berasas dan rasional.

2. Ho Chi Yang W0085

- Mengingatkan Parti untuk mempertahankan hak setiap individu tanpa mengira kaum & agama. Kerajaan Perpaduan tidak harus mendukung agenda Konservatif dan terus mempertahankan hak masyarakat majmuk memastikan kerjasama antara penjawat awam & wakil Kerajaan Perpaduan berjalan lancar.

3. Yap Vui Lip W3676

- Mengucapkan tahniah kerana memperolehi keputusan yang cemerlang iaitu menang 46 daripada 47 kerusi yg ditanding. Beliau mengalu-alukan pemimpin pusat turun dan bawa berita baik untuk Sabah serta pembangunan untuk Sabah seiring dengan laungan "Deliver As Promise". yakin dengan adanya sokongan dan bimbingan pemimpin pusat, Dap Sabah akan terus menjadi tunjang kekuatan kepada Dap Kebangsaan serta Kerajaan Perpaduan yang di ketuai oleh DSAI.

4. Nicole Tan Lee Koon W0126

- Impian beliau ialah semua parti politik mengamalkan hanya satu ideologi untuk kemajuan Malaysia iaitu Ideologi Kebangsaan atau Rukun Negara. Malaysia mempunyai begitu banyak parti politik yang berbeza ideologi, impian kami adalah semua parti mengamalkan satu ideologi sahaja iaitu Rukun Negara untuk kemajuan negara.

5. Andrew Chen Kah Eng W0082

- mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pemimpin dan ahli yang datang ke Johor berkempen di PRK Pulau dan Simpang Jeram dan akhirnya membawa kemenangan kepada PH dan Kerajaan Perpaduan. Dengan potensi pelaburan asing yang pesat, Johor patut diberikan penekanan pembangunan yang khusus sebagai sebuah Negeri yang penting dalam pembangunan ekonomi negara. Bandar Johor Bahru patut dilihat sebagai bandaraya utama selain Kuala Lumpur dan Lembah Klang. Lebih-lebih lagi, ia mempunyai keunikan dengan kedudukan strategik sebagai bandaraya di tepi sempadan Malaysia/Singapura dan dipacu dengan ekonomi sempadan. Dasar yang mesra oleh setiap jabatan adalah penting dalam merangsang ekonomi pelaburan Johor dan Malaysia. Contohnya Zon kewangan khas ekonomi Johor yang telah diumumkan, dasar MM2H dan sebagainya.

6. Chandru A/L Suparmaniam W2761

- Berpendapat bahawa sebagai akar umbi, patut mendengar dan mematuhi segala arahan dan tunjuk ajar dari kepimpinan pusat demi memartabatkan hala-tuju parti. Demikian juga, meminta pucuk pimpinan pusat juga harus mendengar suara akar umbi yang telah, sedang dan akan berusaha terus untuk merealisasikan objektif parti kita.

7. Low Yu Jie W0625

- rasa bangga sebagai seorang Ahli DAP di mana Parti DAP adalah sebuah parti yang memperjuangkan hak untuk rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Menyeru kepada kerajaan pusat untuk memegang teguh kepada prinsip bahawa kita di sini untuk mewakili dan berkhidmat untuk semua rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa dan agama.

8. George Lam Li Kang W3638

- Bersyukur kerana DAP Sarawak adalah satu-satunya yang menggunakan Logo Parti Rocket untuk bertanding di kesemua kerusi di DUN Sarawak. Mohon CEC memutuskan adakah DAP masih lagi boleh menggunakan logo parti semasa pilihanraya

9. Azaha Bin Abdul Rani W3598

- Parti DAP menjadi parti yang di hormati dan di geruni oleh kawan dan lawan. Ini kerana DAP memegang prinsip perlembagaan parti yang sama rata tanpa mengira kaum dan fahaman agama. Integriti ahli dan parti harus dijaga dan diamalkan dari masa ke masa. Jika dulu Dap di anggap parti untuk orang Cina dan India tapi sekarang penyertaan orang Melayu, Siam, Orang Asal serta Sabah dan Sarawak juga bertambah. Jika dulu orang Melayu melihat DAP dari kacamata negatif dan ditohmah dengan macam-macam yang tidak elok tapi sekarang orang-orang Melayu khususnya di negeri Melayu seperti Kelantan dapat menerima DAP dengan tertubuh cawangan-cawangan yang di anggotai oleh orang-orang Melayu. Malah tokoh teknokrat, tokoh tokoh ilmunan seperti profesor, bekas tentera dan polis serta bekas penjawat awam juga bersama dalam satu perjuangan DAP mengamalkan sama rata dan mempertahankan integriti.

10. Diccam Lourdes A/L Lourdhusamy W2404

- Mohon pucuk pimpinan memberi perhatian dan menubuhkan jawatankuasa untuk meneliti Skim MITRA yang memberi manfaat kepada masyarakat India untuk memperkasa usahawan India.
- Menimbang dan menerima Laporan Jawatankuasa Tertinggi Pusat
 - Pencadang: W1697 Tiew Way Keng – Caw.SS2
 - Penyokong: W2500 R.Kamala A/P Ramasamy – Caw. Taman Senangin
- **Laporan jawatankuasa Tertinggi diluluskan sebulat suara oleh perwakilan Kongres**

7. Meluluskan ketetapan-ketetapan yang dibentangkan oleh JTP

- Sdr Ngeh Koo Ham W0042 memohon kebenaran untuk meminda Klausa 1.3 Ketetapan yang telah dibentangkan oleh JTP dimana perkataan “bumiputra” digantikan dengan perkataan “orang Asli/Asal” untuk mencerminkan frasa yang digunakan dalam Perlembagaan Persekutuan.
- Cadangan pindaan disokong oleh Sdr Kerk Chee Yee W0072
 - Pencadang: W3267 Ho Xu Zhe – Caw.Gemas Baru
 - Penyokong: W2510 Selvarani A/P Anthony – Caw.Bandar Seremban Jaya
- **Cadangan pindaan kepada Ketetapan adalah diterima dan diluluskan dengan sebulat suara oleh Perwakilan Kongres.**
- **Ketetapan JTP dengan pindaan diluluskan secara sebulat suara oleh perwakilan Kongres**

Persidangan ditangguhkan pada jam 1.30 petang

.....

.....